



WAJAH ceria kanak-kanak Cam.



SEKOLAH Agama Bawah Rumah.

Berita Harian Pilih 11/06/2010
MIS 26

etera sastera sastera sastera
Galeri

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

Pameran Wajah Cam Saudara Serumpun

Fotografi mewakili nasib masyarakat dan sisa kerajaan besar

KETERHARUAN terhadap nasib masyarakat Cam pada zaman moden dan tarikan serta imbauan nostalgia sisa Kerajaan Campa berbaur dalam

Pameran Wajah Cam Saudara Serumpun di Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, yang berlangsung sehingga 12 Jun ini.

Pameran yang mewakili sebahagian wajah orang Cam itu dirakam melalui lensa fotografi pasukan penyelidikan UKM yang diketuai Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Prof Madya Dr Mohamad Zain Musa, manakala penyelidik bersamanya ialah Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Prof Madya Dr Fatimah Abdullah dan Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Farid Mat Zain.

Dr Mohamad Zain berkata, pameran itu diharap dapat menjadi landasan untuk menampilkan sudut lain dalam sejarah panjang bangsa Cam termasuk wajah orang Cam yang kini tinggal di Pulau Hainan, China.

“Mereka berjumlah lebih kurang 10,000 penduduk. Meskipun, jumlah ini tidaklah besar mana tetapi dalam konteks sejarahnya, mereka yang hadir di Hainan sejak abad ke-15 lagi, masih teguh mengekalkan identiti mereka dalam satu masyarakat majoriti yang jumlahnya amat besar.

“Pameran ini bertujuan memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali orang Cam sebagai satu kumpulan etnik serumpun, sekali

INFO

Pameran Wajah Cam Saudara Serumpun

- Tempat: Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi
- Tarikh: Sehingga 12 Jun ini
- Penganjur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), UKM
- Penyelidik: Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Prof Madya Dr Mohamad Zain Musa; Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Prof Madya Dr Fatimah Abdullah dan Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Farid Mat Zain.



FUNGSI Ruang Dalam Pembelajaran Agama.

gus diharap dapat memupuk integrasi dan keharmonian antara etnik dan merealisasikan konsep 1Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, Campa sebenarnya nostalgia dunia Melayu dengan kerajaan mahupun rakyatnya, hanya menjadi bahan kajian, manakala orang Campa tidaklah seperti yang kita lihat di beberapa daerah lain di mana mereka sekurang-kurangnya menunjukkan kebangkitan dari semasa ke semasa.

“Bagi kerajaan Campa, yang tinggal hari ini hanyalah

beberapa candi yang ditemui di bahagian tengah Vietnam dan sejumlah rakyatnya pelbagai etnik, termasuk orang Cam,” katanya.


Wajah kedaifan itu memang menusuk jiwa seperti yang terlihat pada fotografi *Guru Muda Kelas Agama di Masjid, Pentingkah Peralatan yang Sempurna? dan Sekolah Agama Bawah Rumah* yang merakam proses pendidikan di sebalik keadaan yang serba tidak mencukupi.

Rakaman fotografi itu pasti mengingatkan sebahagian pengunjung terutama dari

kalangan veteran terhadap sistem pendidikan Sekolah Melayu di negara ini dengan guru yang masih belasan tahun, peralatan persekolahan yang daif dan kelas daripada bangunan kayu.

Paling menusuk perasaan ialah gambar *Dari Masjid Menjadi Kandang Babi Kepada Masjid Semula*, sekali gus mengingatkan kita kepada nasib umat Islam yang tertindas di beberapa negara di dunia.

Di sebalik kedaifan itu, kita bagaikan dibisikkan sedikit harapan melalui gambar



MENARA Ong Baurtes.

Kanak-kanak Cam (Noven Loen, Battambang) yang memaparkan wajah bersih dan senyuman simpul yang menyerlahkan keriangkan anak Cam dalam proses pendidikan mereka.

Wajah tulus itu seolah-olah menjadi kesinambungan daripada rakaman seperti Imam Bani, Ly Yusof dan Fatimah yang mewakili generasi tua orang Cam yang berjaya mengekalkan tradisi dan budaya masyarakat mereka.

Sisa daripada kerajaan Melayu awal yang wujud dalam seiarah panjang orang

Cam berusia 2,000 tahun itu, juga ditampilkan dalam rakaman seperti *Menara Ong Baurtes*, yang mengingatkan kita bahawa kerajaan itu pernah mencatat sejarah sejak abad ke-2 yang terletak di bahagian tengah Vietnam sekarang, tetapi runtuh dalam masa 1,000 tahun akibat kemaraan orang Viet ke bahagian selatan.

Pameran yang turut diadakan sempena memperingati 40 tahun penubuhan UKM itu, dirasmikan Pengarah Atma, Prof Dr Abdul Latif Samian.